

PELAKSANAAN PENYERAPAN KECERDASAN PELBAGAI DALAM PENGAJARAN

Yahya Othman, PhD

Roselan Baki, PhD

Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan , Fakulti Pengajian
Pendidikan Unversiti Putra Malaysia

Abstrak : Penyerapan dianggap penting dalam pengajaran untuk tujuan memantapkan lagi penguasaan pembelajaran pelajar. Melalui penyerapan pengajaran sepatutnya mampu dikaitkan dengan unsur-unsur nilai tambah yang ditekankan di dalam kurikulum. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia (BM), matlamatnya tidak hanya menekankan penguasaan bahasa semata-mata, tetapi meliputi pembinaan diri pelajar. Oleh itu, kajian ini melihat persepsi guru BM terhadap aspek penyerapan berdasarkan persediaan, pelaksanaan dan keberkesannya. Pengkaji juga mengkaji persepsi guru dalam melaksanakan unsur penyerapan Kecerdasan Pelbagai dalam pengajaran. Kajian secara tinjauan ini menggunakan soal selidik dengan sampel kajian yang terdiri dari 60 guru BM sekolah rendah dan menengah. Dapatan menunjukkan sampel kajian memahami konsep penyerapan. Namun terdapat kelemahan dari aspek pendedahan dan pelaksanaan unsur tersebut. Manakala unsur penyerapan kecerdasan pelbagai pula masih pada tahap sederhana dari segi pelaksanaan dan memerlukan pendedahan yang lebih mendalam.

Kata kunci : kecerdasan pelbagai, penyerapan pengajaran, unsur nilai.

Pendahuluan

Penyerapan dalam pengajaran Bahasa Malaysia (BM) meliputi unsur ilmu, nilai dan kemahiran bernilai tambah seperti kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan dan boleh diserapkan dalam pengajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000). Penyerapan ini juga mengandungi pelbagai ilmu dan disiplin dalam pelbagai mata pelajaran yang boleh dimanfaatkan dalam pengajaran BM.

Pengajaran BM tidak dilaksanakan secara terpisah terutama yang melibatkan penguasaan ilmu pengetahuan. Penggunaan bahan yang melibatkan ilmu pengetahuan yang merangkumi seperti ilmu sains, sejarah, geografi dan sebagainya dapat membantu menjadikan pengajaran lebih dinamik dan bervariasi. Begitu juga dengan penyerapan nilai yang dianggap penting dalam membentuk pelajar yang bukan hanya menguasai ilmu pengetahuan tetapi juga memiliki sifat insan yang berpekerti mulia. Manakala penyerapan kemahiran berfikir berupaya meningkatkan lagi keupayaan menaakul dan menganalisis secara kritis dan kreatif.

Mengapakah penyerapan dianggap penting dalam pengajaran dan pembelajaran BM? Pelajar seharusnya tidak hanya mahir dalam berbahasa sahaja dan tidak mengambil kira aspek nilai tambah yang lain. Dengan melaksanakan penyerapan, pembelajaran akan menjadi lebih menarik dan mampu meningkatkan minat pelajar terhadap penguasaan bahasa. Mereka

tidak akan merasa bosan jika guru dapat menyediakan iklim pembelajaran yang sesuai dengan minat dan keperluan. Oleh kerana bahasa digunakan untuk mengungkapkan sesuatu keadaan atau kejadian, maka penyerapan menggunakan ilmu pengetahuan yang pelbagai dapat membantu penguasaan ilmu tersebut.

Penyerapan Kecerdasan Pelbagai (KP) dalam P&P BM

Penyerapan juga mampu menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih bermakna dengan menggunakan keupayaan kognitif. Melalui penggunaan kecerdasan pelbagai dalam pengajaran BM, pelajar dapat dipertingkatkan lagi keupayaan bahasanya berdasarkan 9 jenis kecerdasan iaitu linguistik, matematik-logik, ruang-visual, kinestetik-badan, muzik, interpersonal, intrapersonal, lingkungan dan eksistensial (Suparno, 2004).

Kecerdasan menurut Gardner ialah:

1. Kebolehan untuk menyediakan hasil yang efektif atau menawarkan perkhidmatan yang bernilai berdasarkan budaya.
2. Satu set kemahiran yang membolehkan seseorang dapat menyelesaikan masalah dalam kehidupannya
3. Potensi untuk mencari atau menyediakan cara untuk menyelesaikan masalah yang melibatkan pengetahuan yang baru.

Model Kecerdasan Pelbagai Gardner berlandaskan prinsip-prinsip berikut :

- Setiap individu mempunyai kesemua sembilan kecerdasan tetapi pada tahap perkembangan yang berlainan.
- Kebanyakan individu dapat mengembangkan setiap kecerdasan ke satu tahap yang cekap jika diberi galakan, pengayaan dan pengajaran yang sesuai
- Kecerdasan jarang beroperasi secara tersendiri. Beberapa kecerdasan akan bertindak serentak dalam menghasilkan sesuatu kerja.

Apabila KP dikaitkan dengan aktiviti membaca, kecerdasan yang dominan dalam membantu seseorang untuk mahu dan mampu membaca adalah kecerdasan linguistik atau *word smart*. Kegiatan membaca buku adalah kegiatan yang berkaitan dengan teks. Agar pelajar dapat menyerap informasi yang bermanfaat dari buku, seseorang perlu memiliki keterampilan atau kemampuan mencerna kandungan sesebuah teks. Memang, kadangkala, sebuah buku mengandungi gambar yang menyertai teks untuk memudahkan pemahaman. Namun, penggunaan gambar atau grafik saja kadang-kadang tidak mampu menghadirkan makna yang utuh. Teks juga dapat diandaikan untuk membangun makna secara utuh.

Pernyataan masalah

Walaupun telah dinyatakan di dalam Sukatan Pelajaran BM setelah sekian lama, guru-guru masih lagi belum berjaya meletakkan penyerapan sebagai komponen penting dalam pengajaran. Ini dapat dilihat melalui persediaan pengajaran BM menggunakan aspek kemahiran berfikir. Guru-guru didapati kurang menekankan aspek tersebut (Yahya Othman, 2003). Kajian beliau menunjukkan guru-guru BM melihat pelaksanaannya tidak dilakukan dengan perancangan yang rapi serta kurang pemantauan. Terdapat juga guru-guru yang menegaskan tentang kesukarannya untuk menyerapkan aspek kemahiran berfikir secara berkesan. Manakala pendedahan melalui kursus dan bengkel yang dihadiri sukar untuk diaplikasikan dalam pengajaran.

Oleh itu, kajian ini akan melihat apakah sebenarnya persepsi guru terhadap penyerapan dalam pengajaran BM.

Objektif kajian:

Mengkaji persepsi sampel kajian berdasarkan pemahaman, persediaan dan pelaksanaan terhadap aspek penyerapan dalam pengajaran BM.

Soalan kajian

1. Apakah persepsi sampel kajian terhadap unsur penyerapan berdasarkan persediaan, pelaksanaan dan kesannya terhadap pengajaran.
2. Apakah persepsi sampel kajian terhadap kecerdasan pelbagai dalam pengajaran BM?

METODOLOGI

Kajian menggunakan kaedah tinjauan secara deskriptif. Untuk mendapatkan data kajian, penyelidik menyediakan soal selidik yang mengandungi item-item berkaitan persepsi guru BM terhadap unsur penyerapan dalam pengajaran. Soal selidik merangkumi aspek persediaan, pelaksanaan dan amalan dalam pengajaran. Di samping itu soal selidik juga mengandungi item berkaitan pelaksanaan kecerdasan pelbagai dalam pengajaran BM.

Sampel kajian terdiri dari guru-guru BM sekolah rendah dan menengah seramai 60 orang di sekitar Kajang, Cheras, dan Seremban. Data dianalisis secara inferens menggunakan min dan ujian t.

PERBINCANGAN

Pelaksanaan Penyerapan dalam Pengajaran BM

Berdasarkan jadual di atas, sampel kajian merasakan perlunya persediaan yang rapi sebelum mengajarkan BM (min 4.35). Mereka juga menyatakan persediaan mengajar tidak sukar untuk dilakukan kerana mereka menganggap telah berpengalaman mengajar. Sebanyak 41 sampel kajian berpengalaman mengajar selama lebih 10 tahun manakala 19 sampel kajian berpengalaman kurang dari 10 tahun. Sampel kajian juga tidak bersetuju (min 3.33) jika dikatakan mereka mengajar tanpa persediaan yang rapi.

Dari segi pendedahan terhadap pedagogi, sampel kajian mendapati kurang mencukupi (min 2.88). Berdasarkan ujian t, menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek persediaan pengajaran antara guru yang berpengalaman mengajar lebih 10 tahun dengan yang kurang dari 10 tahun. Contohnya dari segi pendedahan pengajaran, sampel kajian pengalaman lebih 10 tahun tidak memerlukan pendedahan pedagogi selanjutnya ($t = 0.46$; $p < 0.05$). Begitu juga dengan aspek penguasaan tatabahasa menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan kedua-dua kategori tersebut ($t = 0.16$; $p < 0.05$). Selain itu, tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi penguasaan kandungan sukatan pelajaran BM antara guru-guru tersebut ($t = 0.082$; $p < 0.05$). Dapatan juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan tahap kesediaan untuk mengajar BM berdasarkan pengalaman guru ($t = 4.89$; $p < 0.05$).

Dari segi perancangan pula, sampel kajian menyatakan tidak pasti (min 3.08) sama ada perlunya perancangan yang rapi dalam penyerapan. Di samping itu, sampel kajian juga didapati tidak konsisten (min 3.07) dalam melakukan penyerapan kerana tumpuan diberikan kepada penguasaan isi kandungan. Walau bagaimanapun, sampel kajian sedar penyerapan amat penting dalam pengajaran BM (min 4.25).

Berdasarkan aspek pelaksanaan, sampel kajian menyatakan bahawa mereka tidak pasti (min 3.08) telah melakukan penyerapan dengan perancangan yang sesuai. Walau bagaimanapun, mereka setuju (min 4.25) bahawa penyerapan penting dalam pengajaran BM. Sampel juga menyatakan bahawa mereka masih belum menguasai aspek penyerapan dengan baik (min 2.75) walaupun perkara tersebut telah lama didedahkan. Dalam melaksanakan penyerapan, pemantauan kurang dilakukan oleh pihak pentadbir (min 3.03). Sampel kajian tidak bersetuju (min 2.42) bahawa pelajar kurang memberikan perhatian terhadap unsur penyerapan. Ini menunjukkan pelajar memberikan perhatian terhadap unsur penyerapan. Manakala aspek kesan penyerapan dalam pengajaran pula menunjukkan sampel kajian tidak bersetuju bahawa penyerapan nilai murni (min 2.42), kemahiran berfikir (min 2.37) dan kajian masa depan (min 2.83) tidak berkesan dalam pengajaran. Dapatan menggambarkan guru mempunyai persepsi berkaitan kesan penggunaan penyerapan adalah positif dalam konteks pengajaran BM.

Secara umumnya, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jenis sekolah (rendah dan menengah) dengan pelaksanaan unsur penyerapan. Ini menunjukkan pelaksanaan penyerapan tidak dipengaruhi oleh jenis sekolah guru mengajar sama ada berasaskan pengalaman, pelaksanaan dan kesannya dalam pengajaran BM .

Pelaksanaan KP dalam Pengajaran BM

Dapatan kajian menunjukkan pemahaman sampel kajian terhadap KP adalah pada tahap sederhana (min 3.15). Dapatan juga menggambarkan mereka masih lagi menghadapi masalah dalam mengaitkan KP dalam pengajaran BM (min 3.55). Ini ditunjukkan apabila mereka menyatakan pelaksanaannya di dalam bilik darjah masih lagi pada tahap sederhana (min 3.6). Keadaan ini diperkuatkan lagi dengan pernyataan bahawa tahap keyakinannya mengajarkan KP juga pada tahap sederhana (min 3.08).

Untuk meningkatkan lagi penggunaan KP dalam pengajaran, sampel kajian memerlukan pendedahan yang lebih mendalam (min 4.05). Pelajar juga perlu didedahkan dengan penggunaan KP agar mereka tidak bosan dengan pengajaran guru (min 4.05). Ini juga disebabkan mereka menghadapi banyak halangan dalam mengendalikan KP dalam pengajaran (min 3.0). Di samping sampel kajian juga tidak begitu yakin dari segi keberkesanan penggunaan KP dalam pengajaran BM (min 3.05).

Perbincangan dan Cadangan

Dapatan kajian menunjukkan guru bersetuju bahawa aspek persediaan penting dalam prosedur pengajaran. Guru yang tidak bersedia dengan pengajarannya sukar untuk mencapai objektif pengajarannya. Untuk melakukan penyerapan secara berkesan, guru memerlukan daya kreativiti yang tinggi bagi menghasilkan pembelajaran yang berkualiti. Menurut Hassan Langgulung (1991), kreativiti lahir apabila seseorang sedar pengalaman yang dilaluinya. Manakala Barry (2002) menyatakan kreativiti adalah perlakuan yang membawa sesuatu yang baru ke dalam kesedaran seseorang. Menerusi pengalaman yang telah dilalui oleh guru setelah sekian lama mendidik, mereka akan mampu untuk menyediakan pengajaran yang bersifat kreatif agar unsur penyerapan dapat dilaksanakan dengan baik.

Di samping itu, persediaan melakukan pengajaran juga melibatkan aspek pedagogi. Dapatan kajian menunjukkan guru begitu menekankan pendedahan terhadap pedagogi yang melibatkan penyerapan. Mereka pernah didedahkan dengan penyerapan tetapi masih belum mencukupi. Dapatan juga menunjukkan bahawa mereka menganggap diri mereka guru BM yang profesional. Dalam bidang pendidikan, ciri profesional guru ditandai dengan pendedahan kurikulum melalui kursus, seminar atau bengkel yang berkaitan (Esah Sulaiman, 2003). Walau bagaimanapun, pendedahan yang telah diterima perlu dilaksanakan dalam pengajaran agar pelajar mendapat manfaatnya.

Dapatan juga menunjukkan sampel kajian berada pada tahap sederhana dalam melakukan penyerapan. Ini disebabkan mereka masih memerlukan pendedahan yang lebih lengkap dan komprehensif. Walaupun mereka perlukan pendedahan lanjutan, namun mereka berkeyakinan dalam melaksanakan penyerapan. Pengalaman mengajar mampu membantu guru mengajar dengan lebih yakin. Keyakinan yang tinggi dalam melakukan penyerapan boleh mendatangkan kesan yang baik.

Penggunaan kaedah mengajar yang sesuai dengan kebolehan dan keperluan pelajar dianggap sesuai dilakukan. Dalam hal ini, Awang Sariyan (2005) menyatakan bahawa ahli pedagogi yang bersumberkan falsafah behaviorisme menekankan kaedah pengajaran yang dapat membentuk kebiasaan berbahasa yang alamiah dalam kalangan pelajar. Oleh itu, penekanan kepada unsur penyerapan dalam pengajaran BM memerlukan perancangan yang tersusun bagi memastikan keberkesannya. Penyerapan nilai murni contohnya perlu dilakukan dengan meletakkan kebiasaan sebagai asas dalam pengajaran.

Penggunaan KP dalam pengajaran BM dianggap penting bagi membantu meningkatkan lagi keupayaan kognitif pelajar. Dapatan kajian menunjukkan sampel kajian memahami konsep KP pada tahap yang sederhana. Kebiasaannya pengertian kecerdasan menjurus kepada keupayaan mental seperti pencapaian akademik, status dalam hierarki pekerjaan, berjaya dalam bidang yang diceburi dan kecerdasan minda melakukan proses kognitif (Sohaimi Abdul Aziz, 1998). Ini disebabkan kebanyakan mereka tidak menerima pendedahan yang secukupnya berkaitan KP. Dapatan juga menunjukkan sampel kajian mengakui pernah mengajar BM menggunakan penyerapan KP pada tahap yang sederhana sahaja. Ini berlaku kerana guru kurang memahami teori KP yang pada asasnya mampu mempengaruhi dan memperkembangkan keupayaan berfikir pelajar. Dari segi kurikulum, KP diajarkan berdasarkan antara disiplin dan bidang pengajian. Melalui pembelajaran menggunakan KP terutamanya secara bertema, akan memudahkan lagi penguasaan pelajar (Suparno, 2004). Pelajar tidak berasa bosan dengan kepelbagaian pengajaran berasaskan bahan yang sesuai.

Oleh itu, sebagai cadangan untuk mempertingkatkan lagi pelaksanaan penyerapan dalam pengajaran BM dengan penekanan kepada KP, beberapa perkara perlu diberikan perhatian. Berdasarkan Campbell, et al. (1996), beberapa asas utama yang perlu termasuklah persepsi pelajar yang perlu diubah, guru memerlukan sokongan dan masa untuk menambah kecekapan mengajar, menguruskan kurikulum berkaitan KP dengan lebih baik, pendekatan baru dalam prosedur penilaian dan amalan profesional untuk mengubah pengembangan.

RUJUKAN

- Awang Sariyan (2005). Isu utama dalam pendidikan Bahasa Melayu dlm. *Pelita Bahasa*, Jld 17 (1). ms 12-17.
- Barry, T. (2002). *Creativity in the classroom: A nurturing approach*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI
- Campbell, L., Campbell, B. & Dickinson, D. (1996). *Teaching and learning through multiple intelligences*. Massachusetts: Allyn & Bacon
- Esah Sulaiman (2003). *Amalan profesionalisme perguruan*. Skudai: Penerbit UTM
- Hassan Langgulung (1991). *Kreativiti dan pendidikan: Satu kajian psikologi dan falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Paul Suparno (2004). *Teori Inteligensi ganda dan aplikasinya di sekolah*. Yogyakarta: Penerbit Kanisus
- Sohaimi Abdul Aziz, (1998). *Membentuk kecerdasan emosi kanak-kanak melalui Kesusasteraan Melayu*. Pulau Pinang: Penerbit USM
- Yahya Othman (2003). Pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*. Jld 3 Bil 1 ms 136-159